



**Mohd Shafie (tengah) melancarkan** Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 Peringkat Sabah di Kota Kinabalu, kelmarin.

(Foto Malai Rosmah Tuah/BH)

# Shafie jumpa Anwar bincang isu calon PM

**Kota Kinabalu:** Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, mengesahkan bertemu dengan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhubung perkembangan politik semasa, baru-baru ini.

Shafie berkata, beliau sudah menyatakan pendiriannya mengenai cadangan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mencalonkannya sebagai Perdana Menteri, dalam perjumpaan itu.

"Saya nyatakan mengenai pendirian berhubung perkara itu yang dicadangkan mereka," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2020 Peringkat Negeri Sabah, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, Shafie tidak menjelaskan secara terperinci ji-

ka pertemuan di Parlimen itu adalah perjumpaan rasmi atau bersifat santai.

Katanya, dijangkakan satu mesyuarat akan diadakan Pakatan Harapan (PH) bagi membincangkan perkara berkenaan.

"Saya rasa mesyuarat akan diadakan pada hari ini (semalam) dan mereka akan membincangkannya dalam parti mereka. Memang beliau (Anwar) ada berkata sesuatu tetapi kita akan lihat bagaimana dengan perbincangan itu," katanya.

Shafie berkata, cadangan Dr Mahathir untuk mencalonkan beliau sebagai Perdana Menteri seterusnya mampu menjadi jalan penyelesaian ke arah penyatuan.

"Cadangan itu untuk mengelakkan perbalahan antara penyokong Mahathir dan Anwar, kalau boleh saya satukan, ia langkah yang baik. Bagaimanapun, kita lihat dulu keadaan," katanya.

BH- 30/7/2020 M/S: 24